

13 OCT 1999

Isa-Peneroka

PENEROKA DIBENAR BUAT PILIHAN SENDIRI BERHUBUNG TANAMAN SEMULA

SEREMBAN, 13 Okt (Bernama)-- Peneroka Felda di Negeri Sembilan, yang telah mendapat geran hakmilik tanah, dibenarkan membuat pilihan sendiri sama ada menanam semula getah atau menukar kepada tanaman kelapa sawait, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Katanya, kerajaan negeri memberi kebebasan kepada mereka untuk memilih, tetapi pengurusan Felda lebih menggalakan mereka supaya menanam kelapa sawait, apabila getah tua ditebang untuk ditanam semula.

Lebih 40 peratus peneroka Felda di negeri ini, yang telah menjelaskan hutang kepada Felda, telah diberi hakmilik tanah, yang terbaru di Palong Satu dan Palong Dua bulan lepas, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Exco di pejabatnya, di sini, hari ini.

Beliau diberitahu terdapat lima kawasan tanaman getah Felda seluas 2,300 hektar yang sudah cukup tempoh untuk ditebang dan ditanam semula, termasuk Felda Pasir Besar, Sungai Kelamah Gemas dan Felda Palong Satu dan Palong Dua di Jempol.

Katanya, Felda Wilayah negeri bersetuju memberi bantuan pinjaman tanam semula sebanyak RM1,700 kepada peneroka, tanpa sebarang faedah.

Katanya, Felda memberi pinjaman itu kerana Risda tidak dapat menyediakan bantuan segera kerana peruntukan tabung tanaman semula getah mereka terhad.

Mengenai cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta korporat Cina membantu usahawan bumiputera, beliau berkata cadangan itu satu cadangan yang baik dalam usaha memulihkan kembali ekonomi negara.

Katanya, kerajaan Negeri Sembilan menyokong penuh cadangan itu yang bertujuan membantu dan meningkatkan semula ekonomi usahawan bumiputera yang terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi.

--BERNAMA

AS zb